

Dua lelaki ditahan bantu siasatan kes kebakaran rumah pegawai kastam

Bomba sahkan perbuatan khianat

Oleh JUNHAIRI ALYASA dan NURUL
KHAIRIAH MOHAMED YUSOF

PUTRAJAYA – Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengesahkan kebakaran yang melibatkan empat buah kereta dan bahagian depan rumah pegawai kanan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di Presint II pada 23 Januari lalu adalah perbuatan khianat untuk menyebabkan kebakaran.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Wan Mohd. Nor Ibrahim berkata, siasatan awal mendapati tingkap kereta Mercedes Benz telah dipecahkan dan bahan bakar dituang ke dalam kereta sebelum dibakar.

“Kita sudah kenal pasti punca kebakaran dan apabila ia berlaku disebabkan perbuatan jenayah, maka siasatan lanjut akan dibuat oleh pihak polis,” katanya ketika ditemui pemberita selepas meninjau kebakaran di sebuah unit rumah pangsa-puri penjawat awam di Presint 16 di sini semalam.



MAZLAN



WAN MOHD NOR



KERATAN Kosmo! 24 Januari 2018.

Dalam kejadian awal pagi 23 Januari lalu, empat kenderaan milik Penolong Pengarah Kanan Kastam Bahagian Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) JKDM, Nor Azman Jini, 59, dan ahli keluarganya hangus apabila bahagian hadapan rumah kuarters di Presint II yang mereka diami dibakar.

Antara kenderaan yang ter-

bakar ialah Mercedes-Benz C200K, Perodua Myvi, kenderaan utiliti sukan (SUV) Honda CRV dan Proton Saga.

Bagaimanapun, Nor Azman, isteri, anak dan menantu serta dua cucunya selamat dalam kejadian itu selepas dikejutkan oleh jiran-jirannya.

Sementara itu di Kuala Lumpur, polis mengesahkan telah menahan dua lelaki tempatan bagi membantu siasatan berhubung kes kebakaran rumah seorang pegawai kastam di Putrajaya pada 23 Januari lalu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mazlan Lazim berkata, dua lelaki berumur 48 dan 49 tahun itu ditahan di sekitar Kuala Lumpur semalam.

“Kita mendapat petunjuk daripada rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) yang berada berdekatan dengan kediaman pegawai tersebut.

“Melalui rakaman CCTV itu, polis mengenal pasti dua suspek berlegar-legar di sekitar kawasan kejadian dengan menaiki motosikal sebelum kebakaran tersebut berlaku,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur di sini semalam.

Beliau menambah, siasatan awal mendapati salah seorang suspek dikenal pasti terlibat dengan kes ugutan secara lisan melalui panggilan telefon ke atas seorang pegawai kastam lain pada April tahun lalu.

Kedua-dua suspek direman tiga hari bermula semalam.



ANTARA kereta yang musnah dalam kejadian khianat di rumah seorang pegawai kastam di Presint 11, Putrajaya pada 23 Januari lalu.